

BERITA HARIAN

DATE: 3 / 10 / 2009



MUHAMMAD HATIM AB MAMAN | BERITA HARIAN

DR JOHARI (kiri) diiringi Dr Ahmad Yusoff (dua dari kiri) melawat pameran Pesta Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke-5 di Ayer Keroh Melaka, semalam.

BA-3/10/2009

Jasa Dr M, Siti Hasmah dihargai

MELAKA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan dianugerahkan Ijazah Kehormat sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke-5 di kampus induk universiti itu, di Durian Tunggal, dekat sini, pada hari ini dan esok.

Dr Mahathir yang berundur sebagai Perdana Menteri pada penghujung Oktober 2003 selepas menyandang ja-

watan itu selama lebih 22 tahun, akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pengurusan Teknologi, manakala Dr Siti Hasmah, pula dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Komuniti.

Naib Canselor UTeM, Prof Dr Ahmad Yusoff Hassan berkata, penganugerahan tertinggi itu bagi menghargai sumbangan tidak ternilai terhadap kedua-dua pemimpin tersohor berkenaan sepanjang mentadbir negara ini.

Katanya, majlis penganugerahan berkenaan akan diadakan pada sesi pertama konvokesyen, pagi ini, dan bakal disempurnakan oleh Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil Yaakob.

Sementara itu, petang semalam, Pro Canselor UTeM, Tan Sri Dr Johari Mat memrasmikan Pesta Konvo ke-5 universiti di kampus induk di Durian Tunggal. Program itu yang dimeriahkan dengan pelbagai program akan berakhir esok.